

**Kehadiran Perdana Menteri, Pengumuman Duit Raya Ceriakan Peneroka Felda  
Bernama  
30 Julai, 2012**

SIK, 30 Julai (Bernama) -- Kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk bersama dengan peneroka Felda dari seluruh Kedah di padang Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Beris Jaya di sini semalam sememangnya amat dinanti-nantikan oleh peneroka.

Lebih manis pada majlis perasmian Program Rahmat Ramadan Peringkat Kebangsaan itu, mereka dapat mendengar sendiri pengumuman Perdana Menteri mengenai duit raya kepada para peneroka Felda.

Pada majlis itu, Najib mengumumkan wang Hari Raya berjumlah RM43.2 juta kepada 112,635 peneroka Felda di seluruh negara.

Seramai 103,597 peneroka atau 91.9 peratus yang bersama Felda akan menerima RM400 seorang melibatkan peruntukan RM41.4 juta manakala 9,038 orang atau 8.02 peratus peneroka yang tidak bersama Felda masing-masing menerima RM200 melibatkan peruntukan berjumlah RM1.8 juta.

Halijah Abdullah, 62 dari Felda Batu 8, Changlun berkata dia gembira kerana dapat berjumpa sendiri dengan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684056>





